

## **Signifikasi Bekas Bara Besar Terengganu dalam Seni Warisan Kraf Tembaga**

*Significance Bara Besar of Terengganu as Heritage in Art Crafts Copper*

**Yazid Parlan**

Jabatan Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
yazidparlan65@gmail.com

### **Abstrak**

Kraf tembaga merupakan salah satu bidang kraf tangan di Malaysia yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Sebagaimana kraf tenunan songket yang mempunyai produk lagendanya melalui penghasilan kain limar dan cindai, kraf tembaga juga mempunyai produk warisan yang masih dikenali sehingga kini seperti tepak sireh, pahar, cerek air dan kebak laksa. Bekas Bara Besar Terengganu merupakan salah satu produk kraf warisan tinggalan pengkarya seni kraf tembaga yang terdahulu di Terengganu yang belum diketahui umum secara meluas berbanding produk warisan kraf tembaga yang lain. Produk kraf warisan yang diperbuat daripada bahan tembaga putih ini banyak mempamerkan ketinggian kemahiran dari segi teknologi pembuatan dan keunikan reka bentuk serta reka corak hiasan pada pembuatannya. Atas kesedaran perlunya mengenangkan Bekas Bara Besar Terengganu kepada umum, maka satu kajian dijalankan bagi mengenalpasti ciri-ciri ekstrinsik yang signifikan dengan Bekas Bara Besar Terengganu supaya ianya boleh dikumpul dan diinterpretasikan untuk dijadikan tambahan khazanah maklumat seni kraf warisan negara.

**Kata kunci** kraf tembaga, Bekas Bara Besar Terengganu, reka bentuk, ekstrinsik

### **Abstract**

*A brass handicraft is one area in which our country has its own history. As songket woven craft with legendary products through the production and cindai limar fabric, crafts brass products also have a proud heritage that is still up to now like slap piper, pahar, water kettle and kebak laksa. Bekas Bara Besar Terengganu is one of the crafts legacy of artist crafts brass earlier in the state that have not been in the know generally widely than legacy products crafts brass others because there is no complete information regarding this product's touted. The legacy of craft products made of white brass material exhibits a height many skills in terms of manufacturing technology and unique design and decorative patterns on the surface is loaded and a full significance be stated publicly. Realising that a study be conducted to identify the characteristics of extrinsic which is significance to Bekas Bara Besar Terengganu so that it can be interpreted to be a treasure trove of information oncraft heritage art countries.*

**Keywords** brassware crafts, Bekas Bara Besar Terengganu, design and form, significance

### **Pengenalan**

Tanah Melayu secara geografinya terletak di antara dua benua kecil iaitu China dan India yang mana dari segi sejarah kedua-dua benua ini mempunyai critera ketamadunan dan budaya yang tersendiri. Dari aspek pegangan agama, rantau Melayu telah menerima beberapa ideologi dan kepercayaan. Semenjak zaman prasejarah hingga era pra-Islam telah menyaksikan kepercayaan animisme dan Hindu-Buddha yang telah menjadi pegangan orang Melayu. Kedatangan Islam pada kurun ke-14M telah membawa perubahan besar kepada budaya dan pemikiran orang Melayu. Fenomena ini telah memberi impak yang mendalam terhadap perkembangan kesenian Melayu di Semenanjung Malaysia termasuk perkembangan seni rupa kraf tembaga. Berbeza dengan barangan kraf warisan berdasarkan kayu, seramik dan tekstil, kraf tembaga mempunyai kelebihan sifat yang utuh dari segi ketahanan untuk mengekalkan corak dan bentuknya walaupun berkurun lama terbiar. Keistimewaan ini membolehkan setiap karya yang dijelaskan oleh pengkarya silam dapat dihayati dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Kelebihan yang ada wajar digunakan pengkaji dalam bidang kraf berkaitan agar artifak dan peninggalan warisan bangsa ini dapat

dicungkil intipatinya dan dicanai nilainya untuk dimanifestasikan sebagai tunjang perkembangan seni kraf tembaga tempatan.

Kuala Terengganu adalah bandar raya pesisir pantai yang merupakan ibu negeri bagi Terengganu Darul Iman. Slogan "Negeri Cantik Budaya Menarik" amat bertepatan apabila sorotan masa lalu diimbau kembali. Sememangnya Terengganu berkembang dengan pesatnya di Kuala Terengganu di mana rancak dengan pelbagai aktiviti perniagaan, kemahiran pertukangan tangan seperti kraf tangan dan pembuatan pengangkutan air seperti perahu nelayan dan kapal dagang. Menurut pengkaji, sejarah pertukangan tembaga telah mula bertapak di Terengganu sejak 300 tahun dahulu dan masih diusahakan sehingga hari ini di Kampung Ladang dan Kampung Tanjung. Menurut Adnan Jusoh, Yunus Sauman dan Zul Iskandar Ramli (2012), penemuan artifak logam berupa patung gangsa berhias emas di kawasan pedalaman Kuala Berang dan gendang gangsa Dong Son pada 1964 di Batu Buruk, merupakan bukti perusahaan tembaga telah mula bertapak dan berkembang di Terengganu. Ini ada kaitan dengan penghijrahan rakyat dari Kemboja ke Semenanjung Tanah Melayu disebabkan oleh ketegangan politik dalaman di negara mereka. Kedatangan mereka telah membawa bersama kemahiran pertukangan tembaga yang mereka miliki lalu menjadi sebahagian budaya dan kemahiran rakyat tempatan yang kebanyakannya menduduki Kampung Tanjung dan Kampung Ladang yang terletak berdekatan dengan muara Kuala Terengganu sehingga kepelbagaiannya reka corak dan kegunaan barang kraf tembaga terhasil sehingga hari ini.

Perkembangan perusahaan berdasarkan pertukangan tangan di Terengganu telah mencapai kegemilangan sejak pemerintahan Sultan Omar (1839-1876) lagi. Antara usaha baginda ialah menggalakkan petukang dari luar untuk mengajar rakyat tempatan ilmu pertukangan kraf tangan. Diplomasi dengan negara luar dan pemindahan teknologi diteruskan semasa zaman perintahan Sultan Zainal Abidin III yang merupakan sultan yang ke-11 memerintah Terengganu (1881-1918). Aktiviti bertukang dalam pelbagai sektor termasuk pembuatan kapal dan kraf tangan seperti besi, tembaga, ukiran dan kain tenun terus diberi perhatian dan sokongan oleh pihak istana sehingga Terengganu amat masyhur dengan hasil keterampilan tangan petukangnya yang hebat. Ini diakui oleh W. W. Skeat yang mencatat;

*"Kuala Terengganu appeared to be a hive of industry, and we were truly astonished at the range of activities, and it parts at the high quality of the work".*

Ini membuktikan perkembangan dan kegemilangan perusahaan kraf tangan dalam semua bidang di Terengganu ketika itu. Ini disokong oleh Hugh Clifford yang pernah berkunjung ke Terengganu untuk bertemu Sultan Zainal Abidin III dalam usaha diplomasi beliau untuk bertapak di Terengganu dengan laporan beliau yang menjelaskan bahawa penduduk Terengganu pada tahun 1895 adalah lebih kurang 100,000 orang iaitu 40% lebih ramai dari jumlah penduduk negeri Pahang. Dari jumlah ini, 40,000 orang adalah orang dewasa, 8,000 ribu orang nelayan, 5,000 penggiat seni dan tukang mahir, 26,000 orang petani dan bakinya 1,000 orang ialah pembesar-pembesar negeri dan daerah serta saudara-mara mereka (Kilauan Tembaga 2008). Hugh Clifford menurut Syed Ahmad Jamal (1992) juga pernah menyatakan bahawa barang-barang tembaga, senjata, dan kebanyakan ukiran kayu yang terdapat di Terengganu adalah yang terbaik di Semenanjung.

Pengkaryaan produk pada awalnya adalah berdasarkan keperluan untuk kegunaan harian semata. Ini dapat dilihat dengan jelas bagaimana reka bentuk barang kraf tembaga tradisi Melayu seperti buyung air, periuk dan cerek basuh tangan hanya menekankan rupa bentuk asas yang disesuaikan dengan kegunaannya sahaja. Kemasukan barang tembaga dari luar yang mempunyai fungsi dan kegunaan yang sama tetapi amat jelas perbezaan dari segi reka corak dan reka bentuknya berbanding barang petukang tempatan. Cerek air tembaga yang dihasilkan oleh petukang Terengganu contohnya mempunyai persamaan rupa dan kegunaan dengan cerek air yang dibawa oleh pedagang Timur Tengah, di mana ianya mempunyai badan, tapak, tangkai dan muncung yang hampir serupa reka bentuknya tetapi dibezaikan oleh keragaman hiasan pada permukaan yang terdapat pada cerek dari negara Timur Tengah. Keragaman estetika luaran membawa erti dalaman yang pelbagai dalam setiap karya tempatan mahu pun dari luar. Proses imitasi seni dilihat telah berlaku di mana petukang tembaga silam tempatan mula memberi nafas baru dengan corak dan hiasan pada penghasilan mereka bersumber ilhamkan motif dan pengaruh setempat di mana kegiatan seni tersebut dilakukan. Beberapa artifak dan warisan tembaga silam yang memperlihatkan jati diri dan ketamadunan bangsa pengkarya telah dikumpul dan dijadikan rujukan yang amat bermakna. Antara barang yang jelas memperlihatkan transformasi berkarya petukang tembaga silam ialah cerek tembaga dari Terengganu dan Negeri Sembilan.

Ragam hias cerek tembaga Terengganu telah diukir timbul awan larat bermotif kelopak bunga pada sekeliling badannya dan terdapat teknik hiasan tebuk-tembus sulur bayung pada menyambung bahagian badan dengan muncungnya. Cerek tembaga yang dipercayai dari Negeri Sembilan juga didapati mempunyai reka bentuk dan ragam hias ukiran timbul dan tebuk-tembus pada permukaannya tetapi mendapat pengaruh dari Sumatera, Indonesia (Syed Ahmad Jamal, 1992).

Apa yang jelas kepada kita ialah penyerapan nilai seni dari pelbagai budaya dan pegangan yang telah mengisi ruang bumi Semenanjung Melayu suatu ketika dulu telah mengubah persepsi bahawa petukang Melayu dalam bidang kraf tembaga kekurangan ilham dalam mencorakkan rupa bentuk hasil karya mereka sehingga barang tembaga yang dihasilkan dikatakan menekankan aspek bentuk dan polos dalam aspek ragam hiasnya. Natijah dari kepesatan diplomatik dan perdagangan yang terjalin dengan negara luar telah mencorakkan identiti baru dalam pengkaryaan seni tampak termasuk seni kraf tembaga sehingga kini. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan nilai budaya dan kepelbagaian adat, produk warisan kraf tembaga khususnya dan pelbagai bidang kraf amnya harus dijadikan panduan dan cerminan kepada kepesatan industri kreatif negara masa kini.

### **Latar Belakang Kajian Bekas Bara Besar Terengganu**

Menurut Ensiklopedia Kraf Malaysia (2012), bekas perasapan diistilahkan sebagai tempat membakar kemenyan atau haruman lain seperti kayu gaharu. Bekas Bara Besar Terengganu merupakan satu-satunya bekas perasapan tembaga yang terbesar pernah dihasilkan di Tanah Melayu. Produk kraf warisan tembaga yang kini dalam pengawasan pihak Muzium Negeri Terengganu sejak 1979 dilihat mempunyai banyak nilai sejarah dan makna yang tersirat pada penciptaannya. Namun, hanya individu yang berkaitan dengan bidang kraf logam dan persejarahan tempatan yang menyedari kewujudannya walaupun ianya dikatakan telah disiapkan pembuatannya kira-kira 80 tahun yang lalu. Bekas Bara Besar Terengganu adalah antara bukti kegemilangan seniman lampau dengan keunikan pembuatan barang seni yang sukar ditandingi oleh petukang masa kini meskipun mereka mewarisi seni pertukangan tersebut.

Bekas Bara atau bekas perasapan yang menjadi subjek kajian pengkaji ke atas hasil seni rupa Melayu zaman silam jelas menonjolkan elemen tampak yang menjurus kepada kesamaan dalam pencetusan inspirasi hasil interaksi alam sekeliling dalam rupa bentuknya. Sebagaimana pengkarya seni tampak lain di dunia menggarap unsur flora dan fauna lalu menggabungkannya dengan nilai tempatan dan persekitaran untuk menjadi seni tampak yang membawa signifikansi dan nilai kelompok di mana pengkarya itu berada.

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui sejarah penciptaan dan ciri-ciri Bekas Bara Besar Terengganu secara mendalam. Ianya merangkumi aspek luaran/ekstrinsik yang tersurat dan aspek dalaman/instrinsik yang tersirat yang wajar dicungkil dan diglap agar maklumat berkaitan boleh menjadi panduan dan inspirasi kepada generasi baru dalam pengkaryaan seni. Sering timbul persoalan adakah dengan berlakunya perubahan anutan agama yang telah melibatkan transformasi pemikiran dan kepercayaan, maka turut berlaku transformasi pengolahan idea dan pemakaian serta nilai falsafah dalam kesenian alam Melayu? Justeru, kajian ini adalah untuk mencungkil, mengumpul, menganalisa dan menginterpretasi kesan perkembangan tersebut terhadap salah satu produk warisan seni tembaga Melayu iaitu Bekas Bara Besar Terengganu. Kajian yang sedang dijalankan secara penelitian, pemerhatian dan temu bual ke atas artifak yang kini terletak di bawah pengawasan pihak Muzium Negeri Terengganu mendapati bahawa berlaku evolusi pada bentuk dan motif-motif yang dijadikan unsur rupa bentuk, corak dan hiasannya. Ini memberi gambaran terhadap kesan pemahaman dan ideologi para petukang tembaga Melayu di Kampung Ladang dan Kampung Tanjung di Kuala Terengganu ketika itu.

Pengkaji cuba untuk mengenangkan Bekas Bara Besar Terengganu supaya ia disedari umum kewujudannya dengan lebih meluas sebagaimana warisan kraf tembaga yang lain. Kewajaran memberi sorotan secara mendalam tentang Bekas Bara Besar Terengganu selain barang warisan tembaga yang sudah sinonim dan diketahui ramai seperti tepak sireh dan cerek air adalah sangat perlu bagi memperkayakan bahan dokumentasi tembaga di negara kita serta memelihara penghasilan tembaga dari kepupusan. Tambahan pula, penciptaan Bekas Bara Besar Terengganu dikatakan lambang kegemilangan perusahaan itu suatu masa dulu.

Selain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran umum terhadap kewujudan Bekas Bara Besar Terengganu, adalah menjadi hasrat pengkaji untuk melihat produk warisan ini menjadi salah satu ikon objek warisan yang wajar menjadi rujukan utama apabila menyentuh isu berkaitan perkembangan seni

warisan tembaga di dalam negara. Pengkaji merasakan pendokumentasian bekas perasapan ini menepati keperluan kerana tidak terdapat kajian seumpamanya dijalankan oleh pengkaji terdahulu meskipun ia telah dicipta sekitar tahun 1940-an dan telah diambil alih penjagaannya pada 1979 oleh pihak muzium. Fenomena ini agak ganjil seolah-olah ia tersebunyi dari pengetahuan penyelidik terdahulu sedangkan rupa bentuknya begitu menyerlah dengan ukuran yang luar biasa besarnya. Para pengkaji seni terdahulu seperti Siti Zainon Ismail dalam Reka Bentuk Kraf Tangan Melayu Tradisi (1986), hanya menyentuh sedikit tentang artifak tembaga dengan sejarah penemuan dan reka bentuk gendang Dong Son yang ditemui di Kelang pada 1964 dan di Batu Burok, Kuala Terengganu pada 1965. Sementara Syed Ahmad Jamal dengan "Rupa dan Jiwa" (1992), pula hanya mengenangkan artifak tembaga berupa cerek, periuk tembaga besar, anak kangsa dan tepak sireh dari Terengganu tanpa memetik sedikit kewujudan Bekas Bara Besar Terengganu. Begitu juga dengan Barbara Leigh (2000), beliau langsung tidak membuat sorotan tentang Bekas Bara Besar Terengganu walaupun beliau telah menceritakan tentang proses pembuatan Penghapusan lilin '*lost-wax casting*' serta lokasi pembuatan di Kampung Ladang di mana Bekas Bara Besar Terengganu dijelmakan dalam buku *The Changing Face of Malaysian Craft* karangan beliau.

Syed Ahmad Jamal (1992), menyatakan bahawa barang seni tembaga adalah antara sumbangan seniman Terengganu kepada alam seni rupa Melayu yang mempunyai identiti paduan bahan dan bentuk. Seni rupa kraf Melayu dalam bidang kayu, logam, tanah dan tekstil dari aspek petukangan dan penghasilan yang menghuraikan kaitan nilai dalaman sebelum dan selepas sesuatu karya itu dijelmakan. Berdasarkan pernyataan di atas, kajian mendalam tentang rupa bentuk dan ragam hias pada Bekas Bara Besar Terengganu ini menjadi kewajaran fokus kajian oleh penyelidik kerana tiada lagi kajian yang menyeluruh pada produk warisan tembaga tunggal ini. Malah, langkah ini juga dianggap sangat penting bagi mendokumentasikan dan memelihara agar warisan penghasilan kraf tembaga di Kuala Terengganu tidak lenyap dibawa ombak permodenan global. Dapatkan maklumat merupakan penambahan khazanah maklumat tentang falsafah dan nilai seni negara yang boleh dijadikan panduan dalam melakar kejayaan masa kini dalam apa juar bidang yang bersesuaian.

## **Sejarah Penciptaan Bekas Bara Besar Terengganu**

Pada zaman awal Islam dari tahun 1300-1600 Masihi, telah terbukti kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada kurun ke-14 Masihi dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303 Masihi yang mencatatkan tulisan jawi berbahasa Melayu yang mengisahkan nama sultan, tarikh lahir dan kematiannya, ayat suci Al Quran, doa dan puisi kesufian dan peringatan tentang hukum Islam. Pada zaman ini, dikatakan pengeluaran barang kraf tangan termasuk kraf logam meningkat. Barang logam berupa ritual keagamaan, senjata keris dan tombak banyak dihasilkan di mana pengkarya telah mendapat naungan golongan istana. Siling emas, perak dan timah telah mula dikeluarkan oleh Kerajaan Kesultanan Melaka sekitar kurun ke-15 Masihi.

Seterusnya, pada zaman penjajahan dan moden dari tahun 1500 hingga 1900 Masihi, berlaku pergolakan politik Kerajaan Melayu Melaka dengan kejatuhan Melaka kepada Portugis di mana penghasilan barang kraf telah berkurangan disebabkan tekanan hidup. Hal ini berlaku sehingga pertengahan kurun ke-19 Masihi. Golongan istana yang menjadi penaung kerancakan aktiviti seni ketukangan kraf juga terpalit dengan gejolak politik dan kemelut penjajahan menyebabkan industri pembuatan seni rupa Tanah Melayu kurang diberi perhatian. Namun, fenomena ini tidak memberi kesan yang besar kepada kerancakan pertukangan tembaga dan seni kraf yang lain di Terengganu. Menurut Pengarah Muzium Negeri Terengganu, Mohd Yusof Abdullah semasa temu bual di lapangan menyatakan bahawa Terengganu merupakan negeri terakhir menerima campur tangan politik dari penjajah Inggeris dan hanya melibatkan perundingan dan nasihat dengan institusi diraja ketika itu. Kehebatan pejuang Melayu yang didasari kekuatan ilmu dan pegangan agama dikatakan menjadi halangan campur tangan Inggeris ke dalam sistem pemerintahan Kerajaan Melayu Terengganu. Pengusaha kraf Terengganu masih terus berkarya dan mempelbagaikan pengeluaran mereka dari segala bidang dan sumber asli yang dimiliki tanpa diganggu. Perusahaan tembaga yang merupakan satu-satunya di Tanah Melayu terus berkembang dan maju di Kampung Ladang dan Kampung Tanjung di Kuala Terengganu sehingga kurun ke-20 Masihi.

Melihat senario perkembangan seni pertukangan kraf tangan di Terengganu masa kini yang penuh kepelbagaian, dapat dibayangkan bahawa kegiatan mengeluarkan barang keperluan harian oleh masyarakat Melayu di Terengganu masa lalu amat memberangsangkan sehingga para tukang yang

berkemahiran tinggi mendapat pengiktirafan pihak istana bagi menyediakan barang untuk kegunaan khusus para bangsawan. Pengelompokan pengkarya seni rupa terhebat dalam pelbagai bidang kraf tangan seperti penenun, pembuat tembikar, pandai besi, tukang tembaga, pembatik dan pengukir di dalam suasana perkampungan adalah satu fakta yang boleh dibuktikan dengan kajian terhadap nilai artifak yang ditinggalkan oleh mereka. Fenomena dari aspek pencetusan ilham sehingga hasil seni kraf tangan terbentuk telah diuraikan oleh Siti Zainon Ismail (1986) secara mendalam tentang peranan tukang dan pereka bentuk serta masyarakat istana dalam penciptaan kraf tangan. Menurut beliau, tukang atau pereka bentuk dalam kelompok istana tidak menitikberatkan soal pernyataan emosi peribadi berbanding seniman yang berada di luar kelompok istana. Nilai estetika dan keindahan adalah keutamaan bagi penghasilan kraf tangan untuk golongan istana. Tukang adalah tenaga mahir yang bertanggungjawab merealisasikan reka bentuk yang disarankan oleh pereka bentuk menggunakan segala kemahiran yang ada dengan bantuan peralatan tukang dan bahan yang menepati keperluan. Pereka bentuk pula ialah individu yang mahir mengolah dan mereka cadang unsur motif dan ilham yang datang tetapi dia tidak mempunyai kuasa mutlak menentukannya. Penaung atau golongan bangsawan adalah penentu kepada satu keputusan iaitu memutuskan corak seni yang diinginkan. Siti Zainon Ismail menyatakan lagi bahawa golongan raja disifatkan sebagai “pengaruh” yang “mengupah” atau “mengerah” tukang-tukang yang terdiri daripada masyarakat biasa yang telah dilantik sebagai ahli yang berkebolehan dalam mencipta. Dia mengabdi kepada raja dengan mencipta bentuk-bentuk seni yang telah diterima dan diakui oleh selera dilingkungannya.

Perkembangan pertukangan tangan di Terengganu dikatakan telah mencapai kegemilangan sejak pemerintahan Sultan Omar lagi. Baginda menggalakkan tukang-tukang dari luar untuk mengajar rakyat tempatan ilmu ketukangan kraf tangan dalam pelbagai bidang termasuk seni pembuatan barang tembaga. Strategi pemindahan teknologi dan bahan pembuatan melalui diplomasi dengan negara luar diteruskan semasa zaman perintahan Sultan Zainal Abidin III. Aktiviti pertukangan dalam pelbagai sektor termasuk pembuatan kapal dan kraf tangan seperti besi, tembaga, ukiran dan kain tenun terus diberi perhatian dan sokongan oleh pihak istana sehingga Terengganu amat masyhur dengan hasil keterampilan tangan tukang-tukangnya yang hebat.

Bekas Bara Besar Terengganu telah disiapkan pembuatannya pada zaman Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah iaitu Sultan Terengganu ke-XIII yang memerintah dari tahun 1920 hingga 1942. Bekas perasapan yang diperbuat daripada bahan tembaga putih dengan berat kira-kira 150 kilogram merupakan “*Made in Terengganu – Diperbuat oleh Che Mat Bin Omar dan Abdullah Bin Haji Ali – 28.8.40 - 25.7.59*”. Seperti mana dua nama yang terpahat dengan tulisan rumi pada permukaan dulang yang menjadi tapak Bekas Bara Besar Terengganu tersebut diletakkan. Terdapat juga tulisan Jawi yang diukir pada permukaan dulang dengan menyatakan “*Kurniaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah Kepada Masjid Abidin Kerajaan Terengganu*”. Menurut Ariffin Muda (sumber dilapangan, 2015), kerja-kerja pembuatan Bekas Bara Besar Terengganu telah diketuai oleh Che Mat Bin Omar yang terkenal dengan panggilan “Che Mat Tokey” dalam kalangan masyarakat Kampung Ladang dan sekitarnya. Beliau dibantu oleh Abdullah Haji Ali dan beberapa tukang mahir tembaga Kampung Ladang. Tidak dapat dijelaskan berapa lama masa yang telah mereka ambil untuk menyiapkan bekas perasapan dengan ketinggian mencapai 152 inci atau kira-kira 1.3 meter.


Penciptaan Bekas Bara Besar Terengganu dikatakan mempunyai kaitan dengan sistem pemerintahan, nilai sosiobudaya masyarakat, alam persekitaran dan pengaruh budaya luar serta pegangan yang diamalkan ketika itu. Pengaruh para tokoh dan ilmuan Islam dikatakan amat besar peranannya kepada pentadbiran dan hubungannya dengan pihak istana di Terengganu sejak kesultanan yang pertama iaitu Sultan Zainal Abidin I yang memerintah dari tahun 1708 hingga 1733. Ini dijelaskan lagi dengan pernyataan Mohd Bakri Jaffar dan Azmy Morsidi (2007), pertabalan sultan pertama Terengganu dilakukan oleh Tok Pulau Manis atau nama sebenar beliau Abdul Malek Bin Abdullah Bin Abdul Qahar Bin Sharif Muhammad al-Baghdadi. Seorang tokoh Islam yang tinggal di Pulau Manis yang berpendidikan tinggi, penuh kesufian, terkenal dalam pengembangan pendidikan sekolah pondok bukan sahaja di Terengganu malah di Tanah Melayu. Jalinan umarak dan ulamat ini merupakan asas kepada kekuatan pentadbiran Kerajaan Kesultanan Terengganu dan sering mengadakan keputusan bersama dalam hal-hal yang berkait dengan pengurusan negeri termasuk hal kemasyarakatan. Diplomasi pihak pentadbiran negeri yang ditunjangi sultan pemerintah dengan negara luar telah membuka banyak ruang kemajuan untuk rakyat Terengganu termasuk aspek kebudayaan itu sendiri.

Perhubungan pihak istana sejak zaman Kesultanan Sultan Zainal Abidin yang pertama lagi telah menunjukkan keakraban institusi istana dengan para ulama dan ahli sufi tempatan dan luar Tanah Melayu. Penglibatan Syeikh Suhaimi dan rakannya yang bernama Ghulam yang merupakan seorang pedagang India Islam dan ulamak terkenal dari Singapura dalam menentukan pengilhaman kepada tercetusnya reka bentuk dan reka corak Bekas Bara Besar Terengganu mempunyai kebarangkalian yang tepat jika dilihat dari segi sejarah awal penciptaannya. Sebagai seorang saudagar dan pedagang yang mempunyai rangkaian perniagaan antarabangsa yang besar, Ghulam pastinya mempunyai hubungan yang baik dengan sultan yang memerintah ketika itu. Dikatakan beliaulah yang membayai kos pembikinan Bekas Bara Besar Terengganu dengan mendapat naungan sultan serta buah fikiran Syeikh Suhaimi, ulamak Kerajaan Terengganu dan tukang mahir tembaga istana dalam proses penjanaan ilham untuk penciptaannya. Dikatakan ianya sebagai tanda membayar nazar atas pertolongan ulama sufi dari Malaysia terhadap penduduk Islam di India yang ditindas oleh penganut ajaran Hindu dalam peperangan saudara di wilayah India, bekas perasapan yang telah disiapkan pada 28 Ogos 1940 ini kemudiannya dihadiahkan kepada pihak istana Terengganu. Sebagai memanfaatkan bekas perasapan yang mendapat sentuhan golongan kelompok istana dan sumber kewangan dari pelabur perdagangan luar negara, Sultan Sulaiman telah menitahkan agar Bekas Bara Besar Terengganu ditempatkan di Mesjid Abidin yang mendapat gelaran "Masjid Putih" yang terletak di pusat bandar Kuala Terengganu kira-kira 3 kilometer dari Kampung Ladang agar dapat digunakan dalam majlis-majlis besar keagamaan yang sering dihadiri baginda tuanku sultan.

### Rupa Bentuk Bekas Bara Besar Terengganu



Gambar 1



Gambar 2

LAKARAN BAHAGIAN-BAHAGIAN	KETERANGAN	FUNGSI TERSURAT
	BAHAGIAN -A Penutup	1. Pemegang Tudung 2. Tudung Penutup 3. Lubang asap wangi
	BAHAGIAN -B Bekas Pembakaran Wangian	1. Bekas untuk membakar bahan wangi 2. Hiasan bibir bekas 3. Tangai
	BAHAGIAN -C Badan dan kaki Bekas	1. Badan bekas 2. Hiasan bibir badan 3. Hiasan selebeling hiar badan 4. Hiasan bawah bekas 5. Kali bekas 6. Hiasan Bergantung keliling badan. 7. Hiasan tengah bawah badan.
	BAHAGIAN -D Dulang Tapak Bekas	1. Dulang / Tapak Bekas 2. Hiasan di bawah bibir dulang

Gambar 3

Gambar 1 Bekas Bara Besar Terengganu yang kini ditempatkan di Unit Konservasi, Jabatan Muzium Negeri Terengganu bagi tujuan pemuliharaan akibat mengalami sedikit kerosakan selepas menyertai beberapa pameran bertujuan meningkatkan kesedaran umum terhadap seni warisan bangsa diperingkat negeri dan kebangsaan.

Gambar 2 merupakan reka bentuk Bekas Bara Besar Terengganu pandangan dari arah sisi.

Gambar 3 pula ialah pecahan struktur asas Bekas Bara Besar Terengganu yang terdiri daripada 4 bahagian utama iaitu bahagian tapak atau dulang, bahagian badan dan kaki, bahagian bekas utama pembakaran bara dan bahagian penutup.

**Signifikasi bentuk dan unsur motif ragam hias Bekas Bara Besar Terengganu**



Gambar 4



Gambar 5



Gambar 6

Gambar 4 merupakan bentuk pemegang yang terdapat pada bahagian penutup Bekas Bara Besar Terengganu. Motif yang digunakan pada pemegang penutup Bekas Bara Besar Terengganu ialah unsur flora iaitu “buah gutung”.

Gambar 5 sebagaimana yang terdapat pada hiasan atas atap rumah tradisional Melayu Terengganu dan bangunan masjid Kg. Tuan, Chukai Kemaman yang dibina pada tahun 1830.

Gambar 6 ia juga di panggil “buah buton” di sesetengah negeri seperti Kelantan.



Gambar 7



Gambar 8



Gambar 9



Gambar 10



Gambar 11

Gambar 7 Hiasan tangkai.

Gambar 8 Unsur flora dengan motif sulur.

Gambar 9 Hiasan yang tedapat pada bahagian atas bibir bekas pembakaran.

Gambar 10 Motif bunga melati.

Gambar 11 Hiasan yang terdapat pada bawah bibir bahagian badan Bekas Bara Besar Terengganu.



Gambar 12



Gambar 13



Gambar 14



Gambar 15

Gambar 12 Hiasan berbentuk bujur pending seperti anting-anting.

Gambar 13 Motif pending.

Gambar 14 Motif buah gelugur.

Gambar 15 Motif senjata kerambit.



Gambar 16    Gambar 17    Gambar 18    Gambar 19    Gambar 20    Gambar 21

Gambar 16 Hiasan yang terdapat pada bahagian kaki.

Gambar 17 Hiasan yang terdapat di sekeliling bahagian bawah tepi badan Bekas Bara Besar Terengganu.

Gambar 18 Motif “daun dukung anak” atau “daun turi”.

Gambar 19 Hiasan yang berfungsi sebagai kaki Bekas Bara Besar Terengganu.

Gambar 20 Motif unsur flora dengan motif “pucuk pakis”.

Gambar 21 Hiasan yang terdapat pada bahagian bawah badan Bekas Bara Besar.

## Kesimpulan

Kajian ini ialah berkenaan dengan signifikasi dan ekspresi seni rupa kraf warisan tradisional Melayu iaitu Bekas Bara Besar Terengganu. Ia berkisar kepada kajian analisa secara deskriptif yang tertumpu kepada aspek sejarah, perkembangan, proses penghasilan sehingga kepada penerapan unsur-unsur alam semula jadi sebagai sumber ilham dan idea penciptaan motif melalui kepekaan penghayatan kerana sifat cintakan alam, melalui perkembangan idea diadaptasikan kepada rupa dan bentuk komponen Bekas Bara Besar Terengganu. Penjelasan ciri-ciri kraf warisan tembaga kepada umum adalah penting sebagai cara terbaik menyedarkan kewujudan ketamadunan bangsa Melayu melalui artifek hasilan seni kraf. Jelas Bekas Bara Besar Terengganu merupakan seni rupa Melayu yang berteraskan keislaman dengan memberi penekanan kepada ciri estetika yang berfungsi. Bukan sahaja berperanan memberi kepuasan lahiriah kepada penggunaannya melalui wangian aroma yang dikeluarkan tetapi juga mempunyai fungsi yang signifikan kepada kemakmuran dan kemajuan budaya melalui paparan rupa bentuk dan ragam hiasannya. Pemilihan motif mempunyai kaitan dengan pendidikan, kesihatan dan falsafah serta adat resam yang membentuk bangsa Melayu yang rajin, berani, beradab dan bertamadun.

## Rujukan

- Abdul Ghani Said. (1993). *7 Wali Melayu-Memartabatkan (Memuliakan) bangsa Melayu dengan Nur Iman dan Islam*. Kuala Lumpur: Mahbook Publication.
- Adnan Jusoh, Yunus Sauman & Zuliskandar Ramli. (2012) *Gendang gangsa di Asia Tenggara: Tinjauan terhadap motif berunsur geometri*.
- [http://jurnalarticle.ukm.my/4247/1/Gendang\\_Gangsa\\_di\\_Asia\\_Tenggara\\_Tinjauan\\_terhadap\\_Motif\\_Berunsur\\_Geometri.pdf](http://jurnalarticle.ukm.my/4247/1/Gendang_Gangsa_di_Asia_Tenggara_Tinjauan_terhadap_Motif_Berunsur_Geometri.pdf)-tarikh rujuk 10 Oktober 2015
- Ensiklopedia Kraf Malaysia. (2012). *Bahan, peralatan dan proses*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia PKKM.
- Halim Nasir. (1987). *Traditional Malay wood carving*. Kuala Lumpur: DBP.
- Kilauan Tembaga*. (2008). Kuala Lumpur: Penerbitan Perbadanan Kemajuan Kraftangan.
- Mohd Zaihidee Arshad. (2014). Kupas seni. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2001). Loceng gangsa Penchu Muar Johor dalam kontaks Zaman Gangsa Malaysia. *Jurnal Warisan Johor V*: 165-173.
- Peacock, B.A.V. (1965b). Two Dong Son Drum from Kuala Terengganu. *Malaysia in History* 10 (2): 26-31.
- Rahmah Bujang & Nor Azlin Hamidon. (2004). *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Syed Ahmad Jamal. (1992). *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Ruhani Tuan Shariff. Pentadbiran agama Islam di Terengganu dari tahun 1911 hingga 1930an. *Jebat* 13 (1984/85) 119-148. <http://jurnalarticle.ukm.my/495/1/1.pdf>.
- W.W.Skeat. (Vol 26). The Cambridge University expedition to the North-Eastern Malay states and to Upper Perak 1899-1990, *JMBRASS*.